



**KOPERASI PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
(KOBOPEM) BERHAD**

**ATURAN-ATURAN AKTIVITI PEMBIAYAAN WANG KOPERASI  
PEKERJA BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (KOBOPEM)  
BERHAD**

---

**TAJUK**

1. (1) Aturan-Aturan ini adalah dinamakan Aturan-Aturan Pembiayaan Wang Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM) Berhad.
- (2) Aturan-Aturan Pembiayaan Wang Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM) Berhad hendaklah selepas ini disebut sebagai 'aturan-aturan'.
- (3) Aturan-Aturan ini adalah diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 9(3) dan 49(2)(v) Koperasi ini dan dikuatkuasa selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi ini dan dipersetujui oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

**ALAMAT**

2. Alamat atau pejabat urusan Pembiayaan Wang Koperasi Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia (KOBOPEM) Berhad ini adalah seperti alamat berdaftar Koperasi.

**TUJUAN**

3. Tujuan aturan-aturan ini diwujudkan ialah untuk mengawal perjalanan aktiviti pembiayaan wang koperasi.

## TAFSIRAN

4. Di dalam aturan-aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

“Jawatankuasa” ertinya jawatankuasa yang dilantik dan diberikankuasa oleh Lembaga untuk mengelolakan aktiviti pembiayaan wang Koperasi.

## MODAL

5. (1) Modal bagi pelaksanaan aktiviti ini adalah diperolehi dari pembelian saham dan caruman yuran bulanan anggota-anggota seperti kehendak Undang-undang kecil 60 (1) dan 61 koperasi ini.
- (2) Persetujuan anggota-anggota boleh diambil;
- (a) Takkala memohon menjadi anggota;
  - (b) Manakala membuat permohonan pinjaman;
  - (c) Apabila rela berbuat demikian.
- (3) Caruman-caruman saham, bolehlah dibayar secara beransur-ansur mengikut kehendak Undang-undang kecil 60 (1) koperasi ini sehingga jelas pembayaran saham yang dijanjikan.
- (4) Caruman anggota-anggota sama ada di dalam bentuk saham atau yuran akan dipindahkan ke Kumpulan Wang Modal Koperasi ini bagi membiayai projek-projeknya.

## JENIS PINJAMAN

6. Pembiayaan wang kepada anggota-anggota dan tempoh bayaran terbahagi kepada lima (5):
- a) Pembiayaan Tunai Berjamin.
  - b) Pembiayaan Tunai Tak Berjamin.

- c) Pembiayaan Kecemasan.
- d) Pembiayaan Barangan.
- e) Pembiayaan Umrah.

### **HAK MAKSIMUM PEMBIAYAAN**

- 7. Setelah dicampur kesemua jenis pembiayaan, jumlah pembiayaan terkumpul yang layak bagi seseorang peminjam pada sesuatu masa hendaklah tidak melebihi RM50,000.00

### **TEMPOH BAYARAN BALIK**

- 8. Tempoh bayaran balik pembiayaan adalah tidak melebihi 120 bulan atau mana-mana tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

### **KADAR KEUNTUNGAN**

- 9. Kadar keuntungan yang dikenakan bagi semua jenis pembiayaan kecuali pembiayaan bagi mengerjakan umrah ialah 4.5 peratus atau kadar yang dipersetujui oleh Lembaga.

### **KELAYAKAN**

- 10. (1) Anggota yang telah menjelaskan harga 100-unit saham bernilai RM1.00 seunit atau membayar penuh 100 saham bernilai RM 1.00 seunit bersama-sama wang pendaftaran masuk RM 10.00 adalah layak memohon pembiayaan.
- (2) Yuran bulanan hendaklah dinaikkan kepada RM50.00 bagi pembiayaan yang melebihi RM10,000.00
- (3) Pekerja Koperasi yang menjadi anggota Koperasi layak dipertimbangkan untuk memohon pembiayaan daripada Koperasi.

## **PENJAMIN**

11. (1) Seorang anggota hanya layak untuk menjamin tidak lebih daripada 3 orang peminjam pada sesuatu masa.
- (2) Jumlah had tanggungan seseorang penjamin dengan memastikan bahawa jumlah bayaran dan caruman kepada koperasi ini tidak melebihi 60% dari jumlah pendapatan penjamin.
- (3) Adalah menjadi kewajipan peminjam untuk menentukan penjamin yang baru dilantik, apabila penjamin asal tidak lagi layak menjadi penjamin.
- (4) Penjamin adalah bertanggungjawab terhadap mana-mana pembiayaan yang tidak dijelaskan oleh peminjam.

## **PERMOHONAN PEMBIAYAAN**

12. Semua permohonan pembiayaan hendaklah dibuat menggunakan borang yang disediakan oleh pihak Koperasi berserta dengan dokumen lengkap yang diperlukan.

## **MEMPROSES PERMOHONAN**

13. Koperasi bertanggungjawab menentukan kelayakan pemohon-pemohon dan penjamin-penjamin serta memastikan bahawa jumlah bayaran dan caruman kepada koperasi ini tidak melebihi 60% dari jumlah pendapatan pemohon.

## **TINDAKAN JAWATANKUASA**

14. (1) Pembiayaan perlu mendapat kelulusan dari Pengerusi atau jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga atau mana-mana ahli Lembaga yang dilantik.
- (2) Laporan bulanan aktiviti pembiayaan hendaklah dilaporkan ke dalam Mesyuarat Lembaga Koperasi.

- (3) Permohonan pembiayaan yang diluluskan akan diselenggara secara bersama di antara pengurusan koperasi dan pemohon untuk penyempurnaan perjanjian dan proses pembayaran.

### **PENIMBANGAN PERMOHONAN**

15. (1) Koperasi berhak menimbangkan, menghadkan atau menolak sesuatu permohonan pembiayaan.
- (2) Anggota tidak boleh menuntut bahawa pembiayaan itu adalah sebagai satu daripada hak-haknya seperti mana yang tersebut di bawah Undang-undang kecil.

### **KAEDAH BAYARAN PEMBIAYAAN**

16. Kaedah pembayaran pembiayaan yang diluluskan akan ditentukan oleh Lembaga dan dikawalselia oleh pihak pengurusan koperasi.

### **PERMOHONAN MENANGGUH ATAU MENGURANGKAN BAYARAN KEMBALI PEMBIAYAAN.**

17. Di dalam keadaan-keadaan yang terkecuali Lembaga bolehlah membenarkan penangguhan atau pengurangan ke atas sebarang bayaran ansuran pembiayaan. Pertimbangan tidak akan diberikan kepada penangguhan atau pengurangan itu disebabkan oleh kecuaiannya anggota-anggota disegi pentadbiran kewangan sendiri. Semua permohonan-permohonan hendaklah disertakan dengan bukti penjelasan dan pengesahan daripada penjamin-penjamin.

## **MENGAMBIL BALIK PEMBIAYAAN DENGAN SEGERA.**

18. Pembiayaan hendaklah dibayar balik dengan serta merta bersekali dengan keuntungan / bayaran perkhidmatan tanpa kelewatan dan tidak terikat kepada mana-mana syarat yang diberikan di dalam perkara-perkara berikut;
- (a) Jika anggota yang meminjam itu berhenti menjadi anggota kerana apa sebab jua pun;
  - (b) Jika seseorang daripada peminjam-peminjamnya berhenti menjadi anggota dan peminjam gagal mendapatkan seseorang penjamin lain yang memuaskan Lembaga;
  - (c) Jika pembiayaan yang diberikan itu digunakan untuk tujuan yang tidak disebut di dalam borang permohonan;
  - (d) Jika ansuran pembiayaan itu terlewat dibayar lebih dari tiga bulan;
  - (e) Jika dibuktikan bahawa sikap dan kejujuran peminjam itu terhadap Koperasi ini adalah berlawanan dengan kepentingan Koperasi.

## **MENDAPATKAN BALIK PEMBIAYAAN YANG TIDAK DIBAYAR**

19. Adalah menjadi tanggungjawab Lembaga untuk mendapatkan balik pembiayaan yang diberi bersekali dengan bayaran keuntungan / bayaran perkhidmatan daripada peminjam yang gagal membayar ansuran bulannya selama 3 bulan.

## **TANGGUNGJAWAB LEMBAGA KOBOPEM**

20. Jika Lembaga ini mungkir dengan sebab lalai dari mengambil tindakan terhadap peminjam-peminjam yang membayar lewat itu maka adalah menjadi tanggungjawab Lembaga bersama-sama menanggung kerugian yang dialami oleh Koperasi ini.

## **ANGGOTA TIDAK BOLEH BERHENTI MELAINKAN PEMBIAYAAN TELAH DIBAYAR BALIK.**

21. Apabila seseorang anggota telah mengambil pembiayaan atau menjadi penjamin bagi sesuatu pembiayaan, permohonannya untuk berhenti menjadi anggota tidaklah boleh diluluskan sehingga pinjamannya bersekali dengan bayaran keuntungan/bayaran perkhidmatan telah dijelaskan atau tanggungannya telah dihapuskan.

## **PERUNTUKAN BELANJAWAN TAHUNAN UNTUK KEGUNAAN PEMBIAYAAN**

22. Lembaga hendaklah memperuntukan cadangan peruntukan jumlah wang yang akan dikeluarkan sebagai pembiayaan dan diambilkira dalam anggaran belanjawan tahunan. Dengan adanya peruntukan ini, maka kawalan terhadap aliran tunai lebih berkesan dan ini akan memudahkan Lembaga merancang pelaburan dan sebagainya.


## **MAKLUMAN KEPADA MESYUARAT AGUNG**

23. Lembaga hendaklah membentangkan untuk makluman wakil-wakil di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi, laporan-laporan mengenai aktiviti ini dan rancangan-rancangannya bagi masa-masa yang akan datang untuk diterima dan diluluskan.


## **PERTIKAIAN**

24. Jika berlaku perselisihan faham di atas tafsiran aturan-aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-Undang Kecil 86 Koperasi ini.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi pada 3 September 2020.



.....  
**(Dato' Sri Ts. Mohammad Hamdan bin Wahid)**  
**Pengerusi**



.....  
**(Nordin bin Pauzi)**  
**Anggota Lembaga**